

## **PANDUAN KEIBUBAAPAN YANG PERLU DIMANFAATKAN MENURUT *HIKAYAT ABDULLAH***

**Rahimah Hamdan**

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor*  
[rahimahh@upm.edu.my](mailto:rahimahh@upm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti panduan keibubapaan dalam autobiografi pertama Melayu *Hikayat Abdullah* dan seterusnya menganalisis panduan keibubapaan tersebut dalam konteks masyarakat Melayu tradisional pada abad ke-19 Masihi. Penobatan Abdullah Munshi sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden telah mengundang pelbagai reaksi daripada para sarjana. Ada segolongan sarjana menganggap Abdullah Munshi membawa pembaharuan dalam kesusasteraan Melayu menerusi keberanian beliau mengkritik adat dan budaya yang diamalkan sejak turun-temurun. Terdapat segolongan sarjana yang tidak menyetujui penobatan tersebut dan menganggap kritikan Abdullah Munshi dalam karyanya adalah realiti yang menyimpang jauh daripada penulisan sebelumnya. Namun, tiada satupun kajian yang menentang kritikan tersebut sebagai panduan yang disuarakan dengan tegas oleh beliau. Justeru, dengan menggunakan kaedah analisis teks terhadap *Hikayat Abdullah* dan pembuktian menerusi perspektif Swettenham (1895) terhadap pemikiran dan budaya masyarakat Melayu yang dinilai secara objektif olehnya, kajian ini dapat memperbaiki imej Abdullah Munshi yang selama ini dianggap sebagai pro-British disebabkan oleh kritikan kerasnya terhadap masyarakat Melayu. Apatah lagi kritikan tersebut merupakan panduan yang banyak difokuskan kepada institusi kekeluargaan khususnya kepada ibubapa. Secara tidak langsung, membuktikan bahawa Abdullah Munshi memandang panduan keibubapaan sebagai sesuatu yang serius untuk diperbaiki demi melahirkan generasi yang bermaruah dan bertamadun. Kesimpulannya, karya autobiografi *Hikayat Abdullah* bukan sekadar satu penulisan baharu yang menyimpang daripada konvensi

persuratan Melayu tradisional tetapi bermanfaat kepada khalayak hasil garapan bijaksana pengarangnya.

**Kata kunci:** *panduan, ibu bapa, autobiografi, Abdullah Munshi, Hikayat Abdullah*

## **Pengenalan**

'*The deed of the reed pen*' atau 'pekerjaan kalam' adalah merujuk kepada kegiatan kepengarangan Melayu yang berakar umbi selepas kedatangan Islam ke rantau ini (Braginsky 1989; 1993:1). Bermula daripada sini, masyarakat Melayu mulai disedarkan mengenai kepentingan sastera dalam kehidupan mereka yang diistilahkan oleh Braginsky (1993; 2001) sebagai 'kesedaran sastera' (*literary self awareness*). Kini proses pengalihan karya perlu memenuhi beberapa kriteria bagi menyempurnakan 'kesedaran sastera' tersebut seperti matlamat, tujuan, intipati, hakikat dan jenis agar *modus operandi* penciptaan karya sastera semakin jelas. Pendapat ini terlebih dahulu diutarakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972:49) yang berpendapat bahawa Islam adalah agama yang bertanggungjawab mencetuskan 'revolusi rohaniah' sehingga mengubah pandangan hidup (*weltanschauung*) dan nilai Melayu daripada lama kepada baharu, dongeng kepada realiti, tradisional kepada moden berasaskan kepada rasionalisme, individualisme dan internasionalisme yang bermula sejak abad ke-14 Masihi. Hasilnya korpus Kesusasteraan Melayu diwarnai dengan pelbagai genre seperti kesusasteraan kitab, cerita nabi serta pahlawan Islam, hikayat, sejarah (historiografi), perundangan, epik dan sebagainya yang secara keseluruhannya tidak tersasar daripada 'kesedaran sastera' (*literary self awareness*) itu. Demi memenuhi 'kesedaran sastera' dalam kepengarangan pengarang Melayu, elemen-elemen yang bertujuan untuk mendidik atau mengajar dimasukkan oleh pengarang dalam karyanya.

Namun, pada abad ke-17 sehingga 19 Masihi menyaksikan perkembangan kolonialisasi Belanda dan British ke Alam Melayu yang menyebabkan pertembungan budaya serta pemikiran antara dunia Timur dan Barat. Bermula dari sinilah bermula, hasil sastera dikumpulkan dan dikaji

oleh pihak kolonial agar memudahkan kerja-kerja menguruskan masyarakat tanah jajahan. Akhirnya para sarjana kolonial ini menyimpulkan karya kesusasteraan Melayu dipenuhi dengan unsur khayalan dan yang langsung tidak memberi faedah kepada khalayaknya (Wilkinson 1907). Maka satu keperluan untuk memperkenalkan genre baharu seperti genre autobiografi yang semakin berkembang di Barat, bagi menandakan kepentingan penjajahan mereka dalam memberi manfaat kepada tanah jajahan (Wilkinson 1907; Winstedt 1940). Rentetan inilah nama Abdullah Munshi diperkenalkan sehingga dinobatkan sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ atas keberanian mencabar konvensi kepengarangan yang diwarisi sekian lama.

### **KAJIAN LITERATUR**

Kemunculan Abdullah Munsyi yang awalnya sebagai guru bahasa Melayu serta penterjemah kepada pihak British telah memberi satu fenomena baharu kepada dunia persuratan Melayu. Keakrabannya dengan pihak penjajah menyebabkan beliau mudah dipengaruhi oleh aliran realisme yang diperkenalkan. Ternyata aliran ini memperjuangkan satu manifestasi realiti kehidupan manusia tanpa mencampur-adukkannya dengan unsur-unsur mitos dan supernatural atau transendan (Mohd.Zariat Abdul Rani 2006: 343). Perubahan ini telah memberi satu ‘kejutan budaya’ kepada konvensi yang dukung oleh pengarang Melayu khususnya dan keseluruhan masyarakat Melayu tradisional amnya (Skinner 1978). Keberanian Abdullah Munsyi mengubah konvensi kepengarangan Melayu telah memperkenalkan satu gaya kepengarangan baharu dalam Kesusasteraan Melayu. Gaya penulisan Barat yang disifatkan berteraskan realiti dan lari dari konvensi persuratan yang diwarisi menyebabkan terkarangnya travelog *Kisah Pelayaran Abdullah* pada 1838 dan autobiografi Melayu pertama *Hikayat Abdullah* pada 1842. Hasilnya *Hikayat Abdullah* menjadi rujukan kadet-kadet Inggeris dalam usaha memahami *worldview* dan nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu. Beberapa sarjana kolonial dan tempatan lain turut memperakui keberanian Abdullah Munshi mencabar konvensi persuratan dan seterusnya memperkenalkan karya berinovasi baharu seperti Thomson menerusi tulisannya bertajuk *Glimpses into Life in Malayan Lands* pada tahun 1864,

Winstedt (1940), Za'ba (1940), Skinner (1959), A.Bakar Hamid (1979), Johns (1979) dan Yahya Ismail (1987), Kassim Ahmad (1981), Mohd.Taib Osman (1988), Muhammad Hj.Salleh (1988) dan beberapa yang lain yang sependapat bahawa penulisan Abdullah lebih kritikal dan bebas sebagai seorang pengarang. Beliau tidak terkongkong oleh penaung dan hanya memperbesarkan raja sebagaimana yang diwarisi oleh pengarang-pengarang Melayu pada masa itu. Bermula dari sinilah elemen 'moden' diperkenalkan yang akhirnya memberi satu fenomena baharu kepada kesusasteraan Melayu.

Namun, penobatan Abdullah Munshi sebagai 'Bapa Kesusasteraan Melayu Moden' ditolak malah dikritik oleh beberapa sarjana yang lain. Nama-nama seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969; 1971), Sweeney dan Phillip (1975), Hassan Ahmad (1976), Sweeney (1980), Ungku Maimunah Mohd.Tahir (2001) [sekadar menyatakan beberapa nama] berpendapat bahawa Abdullah Munshi hanya meneruskan tradisi kepengarangan dalam karya historiografi *Sejarah Melayu* dan pengarang Hamzah Fansuri pada abad ke-17 Masihi seperti '*individualism, inner self-expression, creative use of language and its ambiguity*'. Pendapat Ungku Maimunah (2001) pula menarik pengkajian lebih mendalam terhadap penobatan Abdullah Munshi dengan menyatakan bahawa masyarakat Melayu terpaksa menerima 'Bapa Kesusasteraan Melayu Moden' yang menghasilkan karya 'tidak bersifat sastera' (Ungku Maimunah 2001). Persoalannya, adakah benar Abdullah Munshi menerusi *Hikayat Abdullahnya* menghasilkan karya yang 'tidak bersifat sastera'? Bukankah 'sastera' menurut konvensi persuratan Melayu adalah 'yang mampu memberi manfaat kepada khalayaknya?'. Bertitik-tolak daripada pandangan inilah, kajian ini akan meneliti kritikan-kritikan Abdullah Munshi terhadap masyarakat dalam karya *magnum opusnya* iaitu *Hikayat Abdullah* (2008). Adakah kritikan-kritikan ini realitinya adalah panduan bagi tujuan mendidik yang disampaikan secara sarkastik? Mengapakah Abdullah Munshi begitu banyak mengkritik institusi kekeluargaan Melayu dalam karyanya? Meneliti sorotan literatur lalu, didapati tiada satu pun kajian yang mentafsirkan kritikan Abdullah Munshi kepada sesuatu yang mampu mendidik atau menjadi panduan apatah lagi menjadikan institusi kekeluargaan sebagai fokus pengkajian. Justeru, objektif

kajian ini adalah untuk mengenalpasti panduan keibubapaan dalam karya autobiografi pertama Melayu *Hikayat Abdullah* dan seterusnya menganalisis panduan keibubapaan tersebut dalam konteks masyarakat Melayu tradisional pada abad ke-19 Masihi.

## **METODOLOGI**

Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis teks terhadap *Hikayat Abdullah* yang secara tidak langsung dapat memperbaiki imej Abdullah Munshi yang selama ini dianggap sebagai pro-British disebabkan oleh kritikan kerasnya terhadap masyarakat Melayu. Bagi mencapai objektif (1) iaitu untuk mengenalpasti panduan keibubapaan dalam karya autobiografi pertama Melayu *Hikayat Abdullah*, kajian ini akan menggunakan *Hikayat Abdullah* (2004) dan menemui tiga kategori panduan keibubapaan yang tidak diambil berat oleh masyarakat iaitu:

- (i) Ibubapa perlu menunjukkan contoh terbaik (model)
- (ii) Ibubapa perlu memahami konsep ilmu
- (iii) Ibubapa perlu memahami konsep guru dalam menuntut ilmu

Manakala bagi mencapai objektif (2), panduan keibubapaan tersebut akan dianalisis dalam konteks masyarakat Melayu tradisional pada abad ke-19 Masihi menurut *worldview* dan nilai yang didukung oleh mereka sebagaimana yang dicatat oleh beberapa sarjana kolonial. Nama-nama seperti Raffles (1835), Swettenham (1895), Wilkinson (1907), dan Winstedt (1940) adalah antara para sarjana kolonial yang banyak menulis mengenai pemikiran dan nilai yang dipegang oleh masyarakat jajahan. Namun kajian ini memilih perspektif oleh Swettenham (1895) bertajuk *Malay Sketches* kerana karya ini adalah antara reaksi awal kolonial yang ditulis secara komprehensif dan objektif terhadap masyarakat Melayu. Tambahan pula, hanya Swettenham sahaja yang melaporkan pengalamannya hasil interaksi secara langsung dengan masyarakat semasa beliau menjadi Residen British pertama di Persekutuan Tanah Melayu. Walau Swettenham banyak memaparkan sikap negatif daripada positif masyarakat Melayu, namun itulah perspektif kolonial

yang selari dengan kritikan-kritikan oleh Abdullah Munshi (Cohn 1996). Sebagaimana pendapat Swettenham (1895:vii) seperti di bawah ketika memperkatakan mengenai karektor Melayu itu iaitu:

*“This is not a book of travels, nor is it, on even the smallest sense, the record of traveller’s experiences in a foreign land. It is a series of sketches of Malay scenery and Malay character drawn by one who has spent the best part of his life in the scenes and amongst the people described”.*

## **KEPUTUSAN**

Fitrah kanak-kanak dilahirkan ke dunia ini dalam keadaan yang suci murni. Sikap dan perilaku mereka banyak dipengaruhi oleh persekitaran yang memainkan peranan utama dalam pembentukan personaliti apabila dewasa kelak. Masyarakat Melayu amat memandang serius konsep ‘keibubapaan’ sehingga turut dicitaskan dalam bentuk peribahasa seperti, ‘Bapa borek anak rintik’ serta ‘Bagaimana acuan, begitulah kuihnya’. Ini menunjukkan betapa institusi kekeluargaan dipandang utama dalam masyarakat Melayu sehingga diluahkan dalam hasil sastera. Darling dan Steinberg (1993) seterusnya mendefinisikan ‘tatacara atau panduan keibubapaan’ sebagai:

*“[...] a constellation of attitudes toward a child that are communicated to the child and that, taken together, create an emotional climate in which parent’s behaviours are expressed. These behaviours include both the specific, goal-directed behaviours through which parents perform their parental duties (to be referred to as parenting practices) and non-goal directed parental behaviours, such as gestures, changes in tone of voice, or the spontaneous expression of emotion”.*

Petikan di atas jelas menunjukkan betapa setiap perilaku ibubapa itu merupakan model awal merangsang perkembangan kognitif dan emotif anak-anak sehingga terpancar menerusi personaliti mereka. Sebagaimana yang

dinyatakan dalam *Taj Us-Salatin* (1966:147) mengenai kepentingan menjaga amanah Allah swt iaitu, “[...] anak itu ganti nyawanya dan anaklah yang menghidupkan namanya, sehingga maka tiada dapat tiada daripada peliharanya”. Maka jelas daripada karya tradisional (sastera ketatanegaraan) ini bahawa ‘anak adalah cerminan ibubapanya’. Buruk mulia perilaku mereka bergantung kepada didikan dan asuhan daripada ibubapanya. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti kritikan-kritikan dalam *Hikayat Abdullah* terutama berhubung institusi kekeluargaan dan membuktikan kebenaran kritikan beliau berdasarkan perspektif oleh Swettenham (1895) sebagai sarjana kolonial yang banyak mengamati budaya dan pemikiran masyarakat Melayu.

### **Panduan Keibubapaan dalam *Hikayat Abdullah***

Swettenham (1895:1) berpendapat bahawa terdapat beberapa petua dalam usaha memenangi hati masyarakat Melayu. Antaranya adalah dengan hidup bersama mereka, bercakap dalam bahasanya, hormati agamanya, menyukai jenakanya, simpati dan menolongnya dalam kesusahan serta berkongsi kegembiraan bersama mereka (Swettenham 1895:1). Tindakan ini dapat menambah keyakinan individu Melayu dan akhirnya mudahlah mereka untuk dipergunakan. Inilah perspektif Frank Swettenham yang sangat telus dan bias mengutarakan pendapatnya dalam mukadimah karya *Malay Sketches* (1895) sehingga berjaya membuktikan kredibiliti beliau sebagai seorang pentadbir dan sarjana kolonial.

Sehubungan itu, penelitian terhadap *Hikayat Abdullah* mendapati bahawa terdapat tiga panduan hasil gabungan kritikan-kritikan yang diutarakan oleh Abdullah Munshi terhadap keibubapaan iaitu ibubapa perlu menunjukkan contoh terbaik, ibubapa perlu memahami konsep ilmu dan ibubapa perlu memahami ‘konsep guru’ dalam menuntut ilmu. Perinciannya adalah seperti berikut:

#### *a) Ibubapa Perlu Menunjukkan Contoh Terbaik*

Kritikan paling awal Abdullah Munshi dalam *Hikayat Abdullah* (2004) adalah mengenai sikap ibubapa Melayu yang sering tidak usul-periksa dalam

setiap tindakan (2004:1-2). Sikap ini menurut beliau akan mendatangkan kesan buruk kepada tumbesaran psikologi dan emosi anak-anak. Maka, panduan keibubapaan yang boleh ditemui berdasarkan kritikan Abdullah Munshi adalah ‘sikap terbuka’ dan bertoleransi yang perlu ada dalam diri setiap ibubapa. Ini diperkuatkan dengan kedudukan mereka sebagai model terbaik kepada anak-anak. Sikap tidak usul periksa dalam setiap tindakan akan menebalkan ‘amuk’ yang menurut beliau sinonim dengan diri masyarakat Melayu. Sikap inilah jika tidak ditangani secara rasional mampu mengakibatkan ‘korban jiwa’ seperti pendapat beliau (1895:3) di bawah:

*“A Malay is intolerant of insult or slight; it is something that to him should be wiped out in blood”.*

*Hikayat Abdullah* turut mengkritik pegangan agama masyarakat Melayu yang mudah goyah tanda kurang keimanannya. Tanggungjawab ibubapa mula dipersoalkan oleh Abdullah Munshi sehingga akhirnya beliau menurunkan ayat-ayat hikmat ini agar dapat dijadikan panduan oleh golongan itu iaitu, “[...] jika hina minta pada yang mulia, jika miskin minta pada yang kaya dan jika kurang faham mintalah pada Tuhan (*Hikayat Abdullah* 2004:2). Kritikan Abdullah Munshi ini sebenarnya adalah panduan kepada masyarakatnya terutama institusi keluarga sekiranya diterjemahkan secara rinci. Misalnya panduan dalam keibubapaan yang lain iaitu, “janganlah berputus harap dengan Allah swt” (*Hikayat Abdullah* 2004:9). Sebagai seorang pengarang yang sentiasa rasa bertanggungjawab kepada masyarakatnya, Abdullah Munshi dapat merasakan besarnya ujian para ibubapa dalam membesarkan anak-anaknya. Maka dengan itulah beliau mengkritik para ibubapa yang menjauhkan diri daripada agama yang dianuti sebaliknya meletakkan harapan dan doa kepada makhluk-makhluk supernatural yang bakal menyesatkan mereka dalam kehidupan. Pendapat Swettenham (1895:3) di bawah mengenai individu Melayu membuktikan pernyataan di atas iaitu, “*He is a Muhammadan and a fatalist, but he also very superstitious*”.

Fenomena ini tambah diperkuatkan oleh Abdullah Munshi mengenai elemen khurafat yang menebal dalam masyarakat. Misalnya kepercayaan



ibubapa terhadap anak yang selalu sakit atau sakit berpanjangan berpunca daripada namanya yang 'berat' untuk ditanggungnya (*Hikayat Abdullah* 2004:12). Apatah lagi jika anak selalu sakit menandakan ibubapa tidak serasi membelanya. Menurut *Hikayat Abdullah* (2004:11), adalah lebih baik dijual kepada keluarga yang mempunyai ramai anak. Abdullah Munshi mengkritik amalan ini dengan keras kerana menurut beliau, budaya ini seolah menggalakkan ibu bapa agar tidak berusaha dan percaya pada Qada dan Qadar Allah swt (*Hikayat Abdullah* 2004:11). Abdullah berpendapat bahawa kepercayaan beginilah yang membuatkan masyarakat Melayu tidak maju mindanya dan akan mempengaruhi kualiti keibubapaan apatah lagi kepada institusi keluarga yang dibina. Ini belum ditambah dengan penggunaan azimat dan tangkal yang masih kuat berleluasa di kalangan masyarakat (*Hikayat Abdullah* 2004:51). Panduan keibubapaan yang cuba disampaikan oleh Abdullah Munshi adalah pentingnya para ibubapa berpegang kepada tali agama agar sentiasa mendapat keredhaan dan rahmat Allah swt dalam rumahtangga yang dibina. Berteraskan fenomena inilah, maka Swettenham (1895:4-5) menyelar majoriti masyarakat Melayu yang beragama Islam sehingga sukar ditembusi oleh dakwah Kristianisasi oleh para mubaligh Eropah, namun realitinya mereka amat kurang memahami agama yang dianuti seperti pernyataan di bawah:

*“Though the Malay is an Islam by profession, and would suffer crucifixion sooner than deny his faith, he is not a bigot; indeed, his tolerance compares favourably with that of the professing Christian, and he thinks of these matters at all, he believes that the absence of hypocrisy is the beginning of the religion”.*

Masyarakat Melayu digambarkan oleh Abdullah Munshi amat mempercayai segala penyakit disebabkan oleh angkara hantu dan syaitan. Oleh sebab itulah, ramai para ibubapa mengunjungi bomoh atau para pengamal ilmu perubatan tradisional sekiranya keluarga dihinggapi sebarang penyakit. Perbuatan ini nyata dikritik hebat oleh Abdullah Munshi dalam *Hikayat Abdullah* (2004:110-111). Beliau seterusnya memberi panduan

kepada para ibubapa agar menerapkan dalam jiwa mereka bahawa segala penyakit adalah atas kehendak Allah swt. dan bukannya kuasa supernatural yang dipercayai turun-temurun. Ibumalah individu yang mampu mengubah persepsi anak-anak agar membuang kepercayaan karut ini dan digantikan dengan kebergantungan yang tinggi kepadaNya. Allah yang memakbulkan segala permintaan hambaNya walau caranya bersalahan dengan syariat Islam kerana sifat Allah Yang Maha Pengasih dan Pemurah (*Hikayat Abdullah* 2004:110-111). Swettenham (1985:228) membuktikan keadaan ini sehingga mengeluarkan bahasa yang agak ‘keras’ seperti berikut:

*“[...] people whose ancestors had for generations belonged to the place and who were saturated with ancient customs. Prejudices and superstitions that had to be learned, and with many of which it was difficult to sympathise”.*

*b) Ibumalah Perlu Memahami Konsep Ilmu*

Abdullah Munshi mengkritik para ibubapa yang tidak mementingkan ilmu kepada anak-anaknya. Beliau menggambarkan situasi semasa kecil bagaimana beliau merasa cemburu dengan anak-anak Melayu sebayanya seronok bermain sambil menikmati zaman kanak-kanaknya sedangkan beliau dipaksa mengaji dan belajar daripada siang sehingga ke malam. Secara tidak langsung, Abdullah Munshi memberi panduan keibubapaan bahawa didiklah anak sedari kecil untuk cintakan ilmu terutama ilmu Al-Quran. Malah, latih anak-anak biasa melakar kerana perbuatan ini akhirnya dapat melatih mereka untuk menulis dengan baik (*Hikayat Abdullah* 2004:13). Abdullah Munshi terus memberi panduan lain seperti ibubapa perlu memaksa anak-anak menulis atau menyalin al-Quran. Ini akan menghasilkan tulisan yang cantik sekiranya dilatih dengan gigih (*Hikayat Abdullah* 2004:25). Malah, ibubapa perlu melatih anak-anak mengaji al-Quran di masjid. Ini adalah kerana masjid merupakan pusat perkumpulan para ulamak dan fuqaha’ yang pasti dapat membantu memperbetulkan bacaan setiap kesalahan oleh para jemaah masjid (*Hikayat Abdullah* 2004: 24). Sesuatu yang menarik adalah Abdullah Munshi menyeru masyarakatnya khususnya para ibubapa agar memastikan mereka

memahami terjemahan al-Quran dan bukan sekadar membacanya sahaja. Amalan masyarakat Melayu perlu diubah kerana tafsiran terhadap terjemahan al-Quranlah yang dapat membantu meningkatkan kefahaman masyarakat Melayu terhadap agama yang dianuti. Keadaan ini diperkukuhkan oleh pernyataan Swettenham (1895:6) bahawa:

*“Until he is fifteen or sixteen, this atmosphere of a better world remains about him. He is often studious even, and duly learns to read the Koran in a language he does not understand”.*

Abdullah Munshi mengkritik masyarakatnya yang berfikiran tertutup dalam ilmu terutama dalam penguasaan bahasa asing selain bahasa ibunda sendiri. Beliau memberi panduan kepada para ibubapa khususnya agar menggalakkan anak-anak mereka menguasai pelbagai bahasa walau bahasa daripada masyarakat bukan Islam (*Hikayat Abdullah* 2004: 101). Menerusi pembelajaran bahasa asing inilah masyarakat Melayu boleh maju ke hadapan setanding dengan bangsa maju dunia. Tambahan pula, menerusi penguasaan ini, masyarakat Melayu mampu menguasai ilmu asing yang dapat memberi manfaat kepada tanahairnya (*Hikayat Abdullah* 2004:42-43). Namun menurut Abdullah Munshi, pembelajaran bahasa dan ilmu asing tersebut lebih bermakna sekiranya dimulai dengan penguasaan bahasa sendiri terlebih dahulu yang dapat diperolehi menerusi pembacaan hikayat-hikayat Melayu (*Hikayat Abdullah* 2004: 36, 96). Ini bermakna, Abdullah Munshi menyeru masyarakatnya khususnya ibubapa agar mengutamakan penguasaan bahasa sendiri dahulu di kalangan anak-anak dan terus membuka fikiran untuk mendalami bahasa asing agar tidak diperlekeh oleh individu lain. Pernyataan Swettenham (1895:218) di bawah jelas menunjukkan bagaimana seorang kolonial memperlekehkan warisan budaya Melayu mengenai hubungan raja dan rakyat yang wajar diperbetulkan oleh anak bangsa sendiri. Tiada lain yang mampu dilakukan selain menguasai bahasa mereka (bahasa Inggeris) serta ilmu yang mereka perkenalkan agar kekeliruan ini dapat dijelaskan dengan hujah yang bernas dan rasional. Misalnya ketidakfahaman Swettenham (1895:218) terhadap ‘bahasa istana’ seperti berikut:

*“In this feudal and conservative country when the people eat, they ‘makan’, but the Raja does not ‘makan’, with him it is ‘santap’. When the ‘masses’ bathe they ‘mandi’, but the same operation in the case of a Raja is called ‘siram’[...] Education and contact with European will alter all this, and in the next century there will be more equality and probably less politeness and fraternity. But then also there will be no royal preserves, no class privilege, and no state junketings where noble and peasant meet in generous rivalry of skill with a single desire to snatch from the toil, the disappointments, and the sorrows of life one week of pleasure wherein individual joy may grow greater in the knowledge that is shared by many”.*

c) *Ibubapa Perlu Memahami Konsep Guru dalam Menuntut Ilmu*

Perkara yang paling penting dalam menuntut ilmu adalah menghormati guru. Keberkatan belajar diperolehi hasil daripada tindakan ini. Sehubungan itu, Abdullah Munshi menyarankan kepada para ibubapa agar memahami konsep ‘guru’ dan ‘berguru’ dalam menuntut ilmu (*Hikayat Abdullah* 2004:16). Beliau menegaskan bahawa seorang guru berhak mendapat mandat untuk menghukum muridnya terutama jika melanggar peraturan di sekolah. Ini adalah kerana perbuatan tersebut mampu mengajar, mendidik dan mendisiplinkan murid-murid. Mereka tidak boleh didakwa atas perbuatan tersebut malah para ibubapa sewajarnya memberi kepercayaan sepenuhnya kepada guru-guru untuk mendidik anak mereka. *Hikayat Abdullah* (2004:20) menyatakan perihal ini dengan jelas mengenai kepercayaan penuh kepada guru iaitu, “Buatlah apa sahaja, jangan patah tangan dan kaki”. Pengalaman Abdullah Munshi dihukum guru memperjelaskan situasi ini seperti di bawah:

“Maka itulah pekerjaanku, pada tiap-tiap malam pergi menunjukkan nama-nama orang itu. Maka dalam pada itu pun, **beberapa kena tampar dan nista**. Maka barang nama-nama yang tiada betul rangkai hurufnya itu **digantungnya di**

**leherku supaya malu.** Maka adalah kira-kira sebulan lamanya demikian itu baharulah betul menulis segala nama-nama orang”.

(*Hikayat Abdullah*, 2004:28)

Situasi di atas ini bertepatan dengan peribahasa Melayu, ‘seperti melentur buluh biarlah dari rebungnya’. *Hikayat Abdullah* (2004:23-24) juga menyenaraikan beberapa hukuman berbentuk fizikal bertujuan bagi memberi pengajaran atas kesalahan yang dilakukan dan berharap kanak-kanak tersebut tidak mengulanginya lagi. Inilah konsep pendidikan yang harus diterima oleh para ibubapa dalam usaha mendidik anak-anak mereka menjadi insan yang berguna kepada masyarakatnya pada masa hadapan seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Alat menghukum

<b>Alat menghukum</b>	<b>Kesalahan</b>
Rotan dan apit cina	Hukuman mencuri dan memukul rakan
Kayu palat	Budak-budak pelari mengaji, memanjat pohon-pohon dan menendang kawan-kawannya
Rantai besi	Budak-budak yang lari, selalu berkelahi, tidak mendengar kata dan lambat belajar

Jadual 1 menyatakan bahawa masyarakat Melayu tradisional memberi hukuman yang berat berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan. Misalnya bagi hukuman mencuri dan memukul rakan di kawasan sekolah, murid tersebut akan dikenakan hukuman ‘rotan dan apit cina’. ‘Apit cina’ adalah

alat diperbuat daripada rotan saga yang mempunyai empat keping dan setiap satunya mempunyai panjang kira-kira sejengkal. Hujung kepingan akan dimatikan manakala hujung lagi satu akan diberikan tali panjang. Jari tangan murid tersebut akan diletakkan di celahan rotan dan dikepit. Seterusnya hukuman 'kayu palat' akan dikenakan kepada murid yang lari dari mengaji, memanjat pokok dan menendang rakan-rakannya yang lain. 'Kayu palat' ini diperbuat daripada sekeping kayu yang dianggarkan panjang sebelah dada, ditebuk tiga (3) lubang (kiri, tengah, kanan) dan dimasukkan tali pada lubang tengah dan dimatikan pada hujung lubang kiri dan kanan. Kaki murid akan dimasukkan di antara celahan lubang-lubang tali itu dan dipusingkan ke atas. Tapak pesalah murid tersebut tadi akan dipukul. Manakala hukuman terakhir bagi murid yang suka keluar dari kelas, berkelahi, tidak mahu mendengar kata guru serta lambat belajar pula adalah 'hukuman rantai besi'. Panjang rantai besi yang dianggarkan sedepa dipakukan atas bahagian atas (kepala) kayu balak di mana hujung rantai besi akan dikunci. Di sinilah, punggung murid akan dikunci menggunakan 'rantai besi' dan dipaksa berjalan mengelilingi kawasan sekolahnya.

Jadual 2: Hukuman berasaskan tindakan

<b>Hukuman</b>	<b>Kesalahan</b>
Singgang	Tidak mendengar kata dan jahat
Tonggeng atas asap	Malas mengaji
Diikat di tiang	Salah mengaji
Digantung kedua-dua belah tangannya	Melawan, pelari dan pencuri
Sesah pantatnya	Jahat dan pelari
Gosok lada cina di mulutnya	Bohong dan memaki orang

Jadual 2 di bawah memaparkan beberapa hukuman yang lebih berat dikenakan kepada murid sekolah berdasarkan kesalahan yang dilakukan misalnya hukuman ‘singgang’ kepada murid yang tidak mendengar kata gurunya. Hukuman ini memerlukan murid memegang telinga kiri menggunakan tangan kanan dan telinga kanan menggunakan tangan kiri. Murid tersebut juga akan disuruh bangun dan duduk tiada henti. Bagi murid yang culas dan sentiasa melakukan kesalahan dalam belajar atau mengaji akan dikenakan hukuman menonggeng atas asap atau diikat di tiang. Menonggeng atas asap ini dilakukan dengan membakar sabut kering dan murid tersebut akan ditonggengkan ke atas asap. Bagi hukuman ikat di tiang pula murid tersebut akan diikat di tiang dan membaca papan lohnya sehingga bacaan tersebut lancar. Berlainan pula hukuman bagi murid yang melawan, lari dari tempat belajar dan mencuri. Murid ini akan dikenakan hukuman gantung kedua-dua tangan atau dipukul punggungnya. Bagi murid yang terlalu jahat mulutnya iaitu berkata bohong dan sering memaki hamun orang lain, murid ini akan digosok mulutnya dengan lada cina.

Jadual 1 dan 2 merupakan hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam *Hikayat Abdullah* (2004:23-24) yang bertujuan bagi memberi pengajaran kepada murid-murid yang melakukan kesalahan. Hukuman-hukuman yang dinyatakan adalah bagi memastikan murid-murid tersebut mendengar kata dan rajin dalam persekolahan. Inilah yang perlu diterima oleh para ibubapa demi kejayaan masa hadapan anak-anak serta tidak memperlekeh atau menidakkan kemampuan guru dalam membentuk generasi untuk masa hadapan. Swettenham (1895:3-4) menyatakan beberapa karektor individu Melayu yang majoritinya buta huruf dan tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya. Maka tidak hairanlah jika mereka tidak mementingkan ilmu apatah lagi memahami konsep ‘guru’ dan ‘berguru’. Maka, tepatlah kritikan oeh Abdullah Munshi kepada masyarakatnya yang dianggap ‘sakit’ dan perlukan perubahan. Pernyataan Swettenham (1895:3-4) di bawah membuktikan keadaan masyarakat Melayu yang tidak cintakan ilmu sebaliknya lebih suka membazir masa kepada aktiviti hiburan dan meleakakan seperti berikut:

“[...] he is fond of gambling, cock-fighting and kindred sports [...] while he looks askance on all innovations, and will resist their sudden introduction. [...] The Malay has often been called treacherous. [...] he is courteous and expects courtesy in return [...]”.

## **KESIMPULAN**

Penelitian semula kritikan-kritikan oleh Abdullah Munshi dalam karyanya *Hikayat Abdullah* mendapati amat wajar dilakukan ‘penilaian semula’ agar ‘imej’ buruk beliau dilabel sebagai pro-British dapat dibersihkan. Kebanyakan kritikan-kritikan beliau lebih tertumpu kepada kelemahan institusi kekeluargaan dengan fokus kepada keibubapaan. Dapatan kajian mendapati bahawa di sebalik kritikan itu realitinya adalah satu panduan yang ingin disampaikan oleh Abdullah Munshi agar perubahan positif dapat berlaku kepada masyarakatnya.

Kajian ini dapat mencapai objektif utama iaitu pengenalpastian panduan keibubapaan dalam karya autobiografi pertama Melayu *Hikayat Abdullah*. Terdapat tiga kategori panduan keibubapaan yang ditemui iaitu, ibubapa perlu menunjukkan contoh terbaik (model), ibubapa perlu memahami konsep ilmu dan ibubapa perlu memahami konsep guru dalam menuntut ilmu. Manakala, objektif kedua iaitu penganalisan panduan keibubapaan tersebut dalam konteks masyarakat Melayu tradisional pada abad ke-19 Masihi yang dibuktikan menerusi catatan pentadbir kolonial Negeri-negeri Selat iaitu Frank Swettenham, bertajuk *The Malay Sketches* (1895) berdasarkan pemerhatian beliau terhadap pemikiran dan budaya masyarakat Melayu. Rumusannya, Abdullah Munshi selayaknya terus dikaji hasil karyanya agar persepsi negatif terhadap beliau dapat diperbetulkan. Tambahan pula, sebagai individu yang paling rapat dengan pihak kolonial British, Abdullah Munshi sememangnya menyedari helah pihak kolonial terhadap masyarakat tanah jajahan namun ‘umpama menarik rambut dalam tepung’, beliau perlu menanganinya dengan bijaksana. Pernyataan ‘membina’ oleh Swettenham (1895:3) di bawah wajar dinilai lebih rasional menurut



perspektif post kolonial agar penilaian terhadap peribumi dapat dilakukan dengan lebih adil iaitu:

*“Malaya, land of the pirate and ‘amok’, your secrets have been well guarded, but the enemy has at last passed your gate, and soon the irresistible Juggernaut of Progress will be penetrated to your remote fastness, slain your beasts, cut down your forest, ‘civilized’ your people, clothed them with strange garments, and stamped them with the seal of a higher morality”.*

## BIBLIOGRAFI

- A. Bakar Hamid. (1979). *Diskusi Sastera, Jil.II: Kesusasteraan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Abdul Kadir, Munshi. (2004). *Hikayat Abdullah*. Kassim Ahmad (Ed.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Abdul Rahman al-Ahmadi. (1966). *Pengantar Sastera*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Braginsky, V.I. (1989). ‘Sistem Sastera Melayu Klasik dan Penilaiannya. *Dewan Sastera*, Oktober: 42-51.
- Braginsky, V.I. (1993). *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: Koninklijk Instituut Voor Taal-, Land- En Volkenkunde Press.
- Braginsky, V.I. (2001). *The Comparative Study of Traditional Asian Literatures: From Reflectives Traditionalism to Neo-Traditionalism*. Surrey: Curzon Press.

- Cohn.B.S. (1996). *Colonialism and Its Forms of Knowledge: The British in India*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Darling, N, & Sternberg, L. (1993). Parenting Style as Context: An Integrative Model. *Psychological Bulletin*, 113: 487-496.
- Darus Ahmad. (1965). *Persuratan Melayu*. Penang: Sinaran Bros. Bhd.
- Hassan Ahmad. (1976). Sastera Melayu Moden Semenjak Munshi Abdullah. Dlm. Anwar Ridhwan (Ed.). *Di Sekitar pemikiran Kesusasteraan Malaysia 1957-1972*, hal. 284-302. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John. A.H. (1979). 'The Turning Image and Reality in Malay Perceptions of the Past'. In A.Reid & D.Marr, *Perceptions of the Past in Southeast Asia*. Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Kassim Ahmad. (1981). *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Khalid M.Hussain. (1966). *Taj Us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. (1988). 'Moden Malay Literature'. In Muhammad Hj. Salleh. *An Anthology of Contemporary Malaysian Literature*. Pp.281-293. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2006). Kehadiran Barat dan Kesannya Terhadap Kesusasteraan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17: 330-361.
- Muhammad Hj. Salleh. (1988). *An Anthology of Contemporary Malaysian Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raffles, S. (1835). *Memoir of the Life and Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles, F.R.S.& c. & c. Particularlry in the Government of Java, 1811-1816 and of Bencoolen and Its Dependencies, 1817-1824; with Details of The Commerce and Resources of The Eastern Archipelago, and Selections from His Correspondence*. London: James Duncan.
- Skinner, C. (1959). *Prosa Melayu Baharu*. London: Longmans, Green & Co. Ltd.
- Skinner, C. (1978). Transitional Malay Literature: Pt 1, Ahmad Rijaluddin and Munshi Abdullah. *BKI* 134: 466-487.

- Sweeney, A. and Phillips, N. (1975). *The Voyages of Mohamed Ibrahim Munshi*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sweeney, A. (1980). *Reputations Live On. An Early Malay Autobiography*. Berkeley: University of California Press.
- Swettenham, F.A. (1895). *Malay Sketches*. London and New York: John Lane.
- Ungku Maimunah. (2001). Between Content and Aesthetics: 'Modernity' in the Writings of Abdullah Munsyi, the Acclaimed Father of Modern Malay Literature. Dlm. Fadillah Merican dan Ruzy Suliza Hashim (Eds.). *Native Texts and Contexts: Essays with Post Colonial Perspectives*, hal. 61-69. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wilkinson, R.J. (1907). 'Malay Literature, Part 1. Romance, History, Poetry'. *Papers on Malay Subjects*. The Federated Malay States Government Press.
- Winstedt, R.O. (1940). A History of Malay Literature, with a Chapter on Modern Developments by Zainal Abidin bin Ahmad. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 17 (3): 1-243.
- Yahya Ismail. (1987). *Sejarah Sastra Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Zainal Abidin Ahmad. (1940). Moden Developments. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 17 (3): 142-162.